

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan]

TARIKH : 31 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN : Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-

Di bawah program Pembasmian Kemiskinan (PAWAH) Jabatan Perikanan Malaysia telah menyediakan induk Arowana untuk dipinjamkan kepada peserta senarai e-Kasih. Adakah matlamat program PAWAH ini telah berjaya dan jika tidak, apakah kekangan yang telah menyebabkan program ternakan ikan Arowana ini gagal.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Projek Ternakan Arowana merupakan salah satu Program Peningkatan Pendapatan Golongan Sasar di bawah KPI YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Tahun 2010. Matlamat projek adalah untuk memastikan peserta mendapat pendapatan tambahan melalui hasil projek membolehkan mereka keluar dari paras kemiskinan. Peserta yang dipilih daripada senarai eKasih merupakan golongan Miskin Tegar yang tidak produktif meliputi golongan yang kurang upaya, uzur dan ibu tunggal yang berumur. Projek ini telah dipilih berdasarkan daya maju ekonomi yang tinggi ternakan ikan arowana untuk dijadikan sumber pendapatan tambahan kepada kumpulan sasar. Projek telah dilaksanakan melalui Program Pembasmian Kemiskinan, Unit Penyeriarasan

Perlaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) dengan peruntukan sejumlah RM1.394 juta untuk membeli induk ikan Arowana yang dijadikan milik peserta. Induk ikan tersebut diserahkan kepada syarikat yang berpengalaman untuk menternak ikan Arowana untuk dibiakkan. Hasil jualan anak ikan Arowana akan diberi kepada peserta mengikut perjanjian yang ditetapkan antara syarikat dengan kerajaan. Terdapat dua projek dilaksanakan iaitu di Bukit Merah, Perak dan di Hulu Langat, Selangor.

Projek tersebut tidak dapat mencapai matlamat yang diharapkan disebabkan berlaku penurunan harga jualan yang besar ikan Arowana sejak tahun 2012. Harga anak-anak ikan arowana ‘Malaysia Gold’ yang sepatutnya dijual pada harga RM1,000 – RM1,500 seekor telah menurun sehingga RM200 seekor. Kejatuhan harga yang besar ini disebabkan manipulasi pasaran dan peningkatan pengeluaran ikan Arowana yang didorong permintaan pasaran yang tinggi. Syarikat peneraju Bukit Merah Aquaculture Sdn. Bhd. telah membuat bayaran pendahuluan sebanyak RM375/peserta sebanyak lima belas kali kepada 60 peserta. Syarikat juga telah menghasilkan tiga pengeluaran sejumlah sejumlah 275 ekor dengan nilai RM41,570 yang telah diagihkan kepada peserta. Seramai 42 orang peserta telah terkeluar dari paras garis kemiskinan sejak program ini dilaksanakan. Projek Ternakan Arowana di Selangor telah diberhentikan disebabkan syarikat peneraju tidak mendapat pulangan yang diharapkan kerana kejatuhan harga ikan arowana. 33 orang peserta projek telah bersetuju untuk menjual semua induk-induk Arowana sebanyak 33 ekor disebabkan syarikat telah gagal membayar dividen sejak projek dimulakan.

NO. SOALAN: 3

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

TARIKH : 31 MAC 2014

RUJUKAN : 6579

SOALAN:

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai Akta Pencegahan Jenayah (POCA):-

- (a) bagaimana akta tersebut mengurangkan pelbagai kadar jenayah dalam negara; dan
- (b) apakah statistik kadar jumlah jenayah selepas pelaksanaan POCA.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (a), Kerajaan memandang serius dan sentiasa komited dalam usaha untuk membanteras sebarang aktiviti jenayah dalam negara khususnya kes-kes yang melibatkan jenayah berat dan jenayah terancang. Berdasarkan pindaan-pindaan yang telahpun dibuat terhadap Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959, terdapat beberapa peruntukan yang membolehkan pihak polis mengambil tindakan secara lebih efektif kepada penjenayah-penjenayah khususnya untuk jenayah berat dan jenayah terancang. Sebagai contoh, pindaan POCA 2013 ini telah memperkenalkan Perintah Tahanan dan penggunaan “*Electronic Monitoring Device*” (EMD) terhadap individu yang dikenakan Perintah Pengawasan Polis. Walau bagaimanapun, elemen-elemen hak asasi manusia tetap diambil kira di dalam pindaan yang dilakukan.

Tuan Yang Dipertua,

Pindaan terhadap Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 ini diperkenalkan bukanlah secara mutlak mempunyai elemen tahanan tanpa bicara kerana wujudnya unsur-unsur *check and balance*. Ini kerana tiada lagi kuasa eksekutif Menteri untuk mengeluarkan Perintah Pengawasan atau Perintah Tahanan. Kuasa-kuasa tersebut telahpun dipindahkan kepada sebuah badan bebas iaitu Lembaga Pencegahan Jenayah yang mana ahli-ahlinya dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (b) pula, ingin saya nyatakan di Dewan Yang Mulia ini bahawa Akta Pencegahan Jenayah (POCA) bukanlah merupakan sebuah Undang-undang yang baru. POCA telah digubal pada 1959 dan masih terpakai sehingga ke hari ini. Walau bagaimanapun, POCA yang asal telah dipinda pada tahun 2013 dan akan diwarta pada 1 April 2014.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid
[Kuala Langat]**

TARIKH : 31 Mac 2014 (Isnin)

SOALAN : 4

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan usaha Kementerian dalam merangka rancangan jangka panjang untuk menarik minat lebih ramai belia berkecimpung di dalam industri maritim.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, industri maritim memainkan peranan penting dalam pembangunan sosio ekonomi sesebuah negara. Industri maritim negara menjadi titik perhubungan bagi aktiviti perdagangan diantara rangkaian Pengangkutan laut dan darat dan merupakan platform penting dalam rangkaian logistik.

Kerajaan telah mengambil langkah – langkah dengan memperkasakan kerjaya sektor maritim dan secara tidak langsung dapat menarik minat belia untuk menceburi industri maritim khususnya bidang perkapalan.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara langkah-langkah yang diambil, Jabatan Laut Malaysia telah mengiktiraf kursus *Standard of Training, Certification and Watchkeeping for Seafarers (STCW)* di 34 buah institut latihan maritim di seluruh Malaysia. Institut latihan ini antara lain menawarkan kursus latihan untuk pelaut di peringkat pelaut am sehingga ke peringkat pegawai.

Jabatan Laut Malaysia giat melaksanakan program kesedaran mengenai kerjaya pelaut kepada masyarakat umum melalui media sosial, kempen kesedaran dan taklimat kerjaya. Dalam hubungan itu, taklimat kerjaya giat dijalankan di sekolah-sekolah menengah di seluruh Malaysia sejak tahun

2010 untuk mendedahkan kepada generasi baru untuk menceburi industri maritim.

Jabatan Laut Malaysia juga menyediakan platform perantaraan di antara pelaut dan syarikat perkapalan melalui Modul Job Seeker. Kemudahan ini diberikan secara percuma dan hanya kepada pelaut-pelaut tempatan.

Di samping itu, dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai pelaut tempatan di peringkat pegawai pula, Jabatan Laut Malaysia telah memberi tawaran biasiswa kepada pelaut-pelaut Malaysia yang sedang berkhidmat untuk meningkatkan taraf kompetensi mereka ke peringkat pegawai. Bermula dari tahun 2010 sehingga 2014, seramai 47 orang pelaut telah memperoleh biasiswa ini.